



DR 11 TAHUN 2020  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN KHAZANAH NASIONAL  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR7/2019)**

KERUGIAN PELABURAN KHAZANAH NASIONAL



#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- |  |   |
|--|---|
| 1. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]                        | <b>- Pengerusi</b>                                    |
| 2. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]                                | <b>- Naib Pengerusi</b>                               |
| 3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]                 |   |
| 4. YB. Tuan Steven Choong Shiah Yoon [Tebrau]                        |   |
| 5. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]            |   |
| 6. YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]                             |   |
| 7. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]                                     |   |
| 8. YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]        |   |
| 9. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]                 |   |
| 10. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]                      |   |
| 11. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]                |   |
| 12. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]                     |   |
| 13. YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]                            |   |
| 14. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] |   |
| 15. YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah                                  | <b>- Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</b> |

#### WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN KHAZANAH NASIONAL BAGI  
SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR7/2019)**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG KERUGIAN PELABURAN KHAZANAH NASIONAL</b>	<b>1 - 2</b>
2	<b>TINDAKAN SUSULAN MOF DAN KHAZANAH NASIONAL BAGI SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN DR7/2019</b>	<b>3 - 8</b>

**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG  
KERUGIAN PELABURAN  
KHAZANAH NASIONAL**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN KHAZANAH NASIONAL  
BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR7/2019)  
BERHUBUNG**

**KERUGIAN PELABURAN KHAZANAH NASIONAL**

**1. LATAR BELAKANG**

Melalui mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (d) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah mengadakan prosiding bagi Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional pada 1 April 2019.

Menerusi laporan ‘KHAZANAH ANNUAL REVIEW 2019 : 2018 In Review & Khazanah’s Refreshed Mandate’ yang diterbitkan Khazanah pada 5 Mac 2019, Khazanah telah melaporkan kerugian sebanyak RM6.3 bilion pada tahun 2018 berbanding dengan keuntungan sebanyak RM2.9 bilion pada tahun 2017. Isu

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN KHAZANAH NASIONAL  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR7/2019)  
BERHUBUNG KERUGIAN PELABURAN KHAZANAH NASIONAL**

kerugian Khazanah ini telah menarik perhatian umum terutama dalam komuniti perniagaan kerana ini merupakan kali pertama Khazanah mengalami kerugian.

Isu berkenaan telah mendapat perhatian rakyat secara keseluruhannya dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk mengadakan prosiding bagi mengenal pasti isu pengurusan dan tadbir urus yang telah mengakibatkan kerugian yang mendadak oleh Khazanah.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dalam pengurusan dan pemantauan Khazanah Nasional iaitu Pengarah Urusan Khazanah dan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

Jawatankuasa ini, kemudian membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2019.

Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan tiga (3) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF/Khzanah Nasional.

Berdasarkan Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (5), Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato' Asri Bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSU), MOF] bersama-sama dengan YBhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan (Pengarah Urusan Khazanah) telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Khazanah Nasional Ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR7/2019 di hadapan PAC Parlimen pada 10 November 2020.

## 2. PENDAHULUAN

Selari dengan pengenalan mandat yang diperbaharui pada Ogos 2018, Khazanah telah melaksanakan pelan penyusunan dan penstruktur semulanya yang bertujuan untuk meletakkannya pada kedudukan yang lebih kukuh bagi meningkatkan keuntungan pada tahun 2019 dan seterusnya. Pelan tersebut melibatkan perubahan ketara pada bidang tumpuan Khazanah, termasuk barisan kepimpinan serta pengenalan mandat dan objektif yang diperbaharui. Lanjutan daripada itu, Khazanah telah menjalankan kajian dan penilaian semula semua pelaburannya, yang memberi kesan kepada pencapaiannya bagi tahun 2018.

Hasilnya, Khazanah telah mencatatkan kerugian sebelum cukai RM6.271 bilion pada tahun 2018, berbanding keuntungan sebelum cukai RM2.896 bilion pada tahun 2017. Kerugian ini adalah yang pertama yang dicatatkan oleh Khazanah dalam tempoh lebih sedekad. Antara lain, prestasi kewangan Khazanah pada tahun 2018 terjejas akibat jumlah pelupusan yang rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya, pendapatan dividen yang berkurangan dan peruntukan rosot nilai yang lebih tinggi (*impairment*), ketika mana Khazanah melalui proses peralihan, yang juga seiring dengan ketidaktentuan pasaran.

Laporan PAC Parlimen Berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2019 dengan syor-syor yang berikut:

Syor 1: Khazanah meneruskan perancangan dan tindakan strategi baharu untuk mengawal risiko pelaburan syarikat seperti yang telah dimaklumkan kepada PAC Parlimen.

Syor 2: Khazanah melaksanakan pelaburan secara strategik dan profesional tanpa ada pengaruh politik.

Syor 3: Khazanah perlu mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan syor-syor kepada PAC Parlimen dalam masa setahun daripada tarikh laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat.

**TINDAKAN SUSULAN MOF DAN  
KHAZANAH NASIONAL  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN DR7/2019**

### 3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

**3.1 Syor 1: Khazanah meneruskan perancangan dan tindakan strategi baharu untuk mengawal risiko pelaburan syarikat seperti yang telah dimaklumkan kepada PAC Parlimen.**

#### **Maklum Balas MOF/Khazanah Nasional**

- i. Khazanah akan terus menguruskan risiko pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio untuk menjadi lebih seimbang di semua rantau dan sektor.
- ii. Bagi tahun 2020, Khazanah akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti pelupusan dan pelaburan serta seterusnya mengimbangkan semula portfolio dana komersialnya
- iii. Pada tahun 2019, jumlah pelaburan dana komersial yang dilaksanakan berjumlah RM2.3 bilion. Pada tahun 2020, Khazanah akan meningkatkan pelaburannya dalam pelbagai kelas aset seperti pasaran awam, aset nyata dan ekuiti swasta.

**3.2 Syor 2: Khazanah melaksanakan pelaburan secara strategik dan profesional tanpa ada pengaruh politik.**

#### **Maklum Balas MOF/Khazanah Nasional**

- i. Setiap cadangan pelaburan atau pelupusan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan (*Investment Committee*) dan seterusnya Jawatankuasa Eksekutif (EXCO). Setiap kertas kerja transaksi akan memuatkan cadangan pelaburan atau pelupusan dan laporan penilaian ketekunan wajar (*due diligence*) yang akan diteliti dan dibincangkan sebelum diluluskan.

- ii. Bagi cadangan yang mempunyai nilai pelaburan/ pelupusan melebihi RM750 juta untuk Dana Strategik dan RM1.5 bilion untuk Dana Komersial, ia akan dibentangkan bagi kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Khazanah.
- iii. Proses ini membolehkan keputusan mengenai pelaburan dan pelupusan dibuat secara telus, profesional dan berintegriti.

**3.3 Syor 3: Khazanah perlu mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan syor-syor kepada PAC Parlimen dalam masa setahun daripada tarikh laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat.**

**Maklum Balas MOF**

- a) YBhg. Dato' Asri menerangkan bahawa sejak pembentangan kepada PAC berkenaan kerugiannya yang berjumlah RM6.27 bilion pada tahun 2018, Khazanah telah kembali mencatatkan keuntungan yang tertinggi dalam sejarahnya, iaitu RM7.36 bilion pada tahun 2019. Kejayaan ini adalah hasil daripada pelupusan yang lebih tinggi, rosot nilai lebih rendah serta pulangan portfolio lebih mantap.
- b) Selain itu, dalam tahun kewangan pertamanya sejak menerima mandat yang diperbaharui daripada Kerajaan, Khazanah turut mencatatkan beberapa kejayaan ketara dalam pelbagai inisiatif di bawah pelan penstrukturran semulanya, sekali gus meletakkannya pada kedudukan yang lebih kukuh bagi menghadapi cabaran masa depan.
- c) Tindakan yang telah diambil berdasarkan syor pertama PAC termasuk meneruskan usaha pengimbangan semula portfolio dana komersil dan pelupusan pelaburan manakala langkah yang diambil bagi syor kedua PAC adalah dengan meneruskan pelaksanaan pelaburan secara strategik dan profesional tanpa sebarang pengaruh politik melalui penubuhan beberapa jawatankuasa berdasarkan nilai ambang pelaburan yang ditetapkan dengan keahlian yang berbeza bagi setiap jawatankuasa.

- d) YBhg. Dato' Asri juga memaklumkan bahawa prestasi Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah serta Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) amat terkesan akibat penularan pandemik Covid-19 pada awal tahun 2020.
- e) Oleh yang demikian, Khazanah akan turut berkongsi tentang impak Covid-19 ke atas pelaburannya, termasuk GLC utama miliknya, khususnya yang beroperasi dalam sektor-sektor yang paling menerima kesan negatif akibat penularan pandemik ini, termasuk sektor penerbangan.

## **Maklum Balas Khazanah Nasional**

### **1. Mandat Khazanah**

- a) Datuk Shahril menerangkan bahawa tahun 2019 merupakan tahun kewangan penuh pertama Khazanah beroperasi di bawah mandat yang diperbaharui. Secara ringkasnya, Khazanah dimandatkan untuk membangunkankekayaan jangka panjang negara, bagi memenuhi keperluan negara bagi generasi pada hari ini dan akan datang, menerusi objektif komersial dan strategik yang telah dirangka.
- b) Khazanah melaksanakan objektif ini melalui struktur pelaburan dwi-dana (dual-fund):
  - i. Dana Komersial  
Dana Komersial merupakan dana kekayaan jangka panjang dengan sasaran pulangan yang setara dengan Indeks Harga Pengguna Malaysia (CPI) ditambah 3% pada atas lima tahun berterusan. Dana ini termasuk aset awam seperti Kumpulan CIMB, Kumpulan Axiata, IHH Healthcare dan Alibaba.com; serta aset persendirian seperti The Holstein Milk Company, Sun Life Malaysia, WeLab dan Cenergi SEA.

ii. Dana Strategik

Dana Strategik merupakan dana pembangunan dengan sasaran pulangan bersamaan dengan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) selama 10 tahun pada asas lima tahun berterusan, serta manfaat ekonomi yang boleh diukur. Dana ini termasuk aset strategik seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional, Malaysia Airlines, Malaysia Airports dan PLUS Malaysia; serta aset pembangunan seperti Silterra, Iskandar Investment Berhad, Themed Attractions Resort & Hotels, Pinewood Iskandar Malaysia Studios dan Medini Iskandar Malaysia.

## 2. Prestasi Kewangan 2019

- a) Khazanah telah mencatatkan kemajuan ketara dalam pelbagai bidang, termasuk menjana pulangan sejajar dengan sasaran jangka panjang bagi Dana Komersial seliaannya, menyumbang pulangan kewangan dan strategik bagi aset dalam Dana Strategik seliaannya, serta mengukuhkan kedudukan kewangannya menerusi pengurangan perbelanjaan operasi (OPEX) dan pembayaran balik hutang.
- b) Datuk Shahril menjelaskan bahawa prestasi Khazanah pada tahun 2019 dicapai dalam keadaan persekitaran global yang tidak menentu yang menyaksikan proses Brexit yang berpanjangan serta perang perdagangan AS-China yang kian sengit. Hal ini menjadi lebih mencabar akibat persekitaran pulangan rendah yang berterusan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Walaupun berhadapan cabaran ini, Khazanah berjaya mencatatkan kemajuan yang ketara dalam memenuhi mandatnya untuk membangunkankekayaan jangka panjang Malaysia.
- c) Khazanah telah mencatatkan keuntungan operasi RM7.36 bilion berbanding kerugian operasi RM6.27 bilion pada tahun 2018. Hasil daripada pelupusan meningkat kepada RM9.9 bilion berbanding RM1.4 bilion manakala rosot nilai berada pada RM4.9 bilion berbanding RM7.3 bilion pada tahun sebelumnya.

- d) Khazanah turut mengukuhkan kedudukan kewangannya hasil daripada perbelanjaan yang dikurangkan sebanyak 28.2% kepada RM484 juta berbanding RM674 juta pada tahun 2018. Ini adalah bersamaan dengan 35 mata asas (bps) sebagai peratusan aset berbanding dengan 50 bps pada tahun sebelumnya.
- e) Jumlah hutang telah berjaya dikurangkan sebanyak 17.0% kepada RM45.8 bilion daripada RM55.2 bilion pada tahun 2018, manakala lindungan Nilai Aset Boleh Tunai meningkat kepada 3.0 kali ganda daripada 2.4 kali ganda.
- f) Dana Komersial, yang merupakan dana kekayaan rentas generasi, telah menghasilkan kadar pulangan wajaran masa 8.3%, melepas kadar pulangan sasaran jangka panjang bersamaan dengan Indeks Harga Pengguna Malaysia (CPI) + 3% pada asas lima tahun. Nilai Aset Bersih (“NAV”) Dana Komersial berada pada RM73.1 bilion setakat 31 Disember 2019.
- g) Setelah setahun melaksanakan aktiviti pengimbangan semula portfolionya, Khazanah telah mula mencatatkan kejayaan awal dalam mempelbagaikan Dana Komersial di bawah mandat baharunya dan berada pada kedudukan yang baik untuk terus meningkatkan aktiviti pelaburannya pada tahun 2020.
- h) Dana Strategiknya pula turut mencapai hasil kewangan dan strategik untuk aset-aset tertentu meskipun pasaran lembap pada tahun 2019. Dana Strategik menjana pulangan keseluruhan sebanyak 2.9% berbanding kadar pulangan yang disasarkan iaitu bagi hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (“MGS”) untuk tempoh 10 tahun atas asas lima tahun.
- i) Di peringkat dalaman, Khazanah terus memperkuuhkan lagi tadbir urus korporat dan meningkatkan ketelusannya. Ini termasuk menerbitkan dasar-dasar baharu tentang komitmen Khazanah terhadap pelaburan yang bertanggungjawab, garis panduan pengundian bagi pengarah nomini, polisi perkongsian maklumat, garis panduan penilaian pelaburan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN KHAZANAH NASIONAL  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR7/2019)  
BERHUBUNG KERUGIAN PELABURAN KHAZANAH NASIONAL**

dan juga inisiatif berkaitan integriti seperti Pelan Integriti & Anti-Rasuah Khazanah. Khazanah juga memulakan usaha untuk mengembangkan lagi bakat dan meningkatkan budaya organisasi, serta strategi digital bagi memenuhi keperluan struktur dwi-dana.

- j) Datuk Shahril turut menerangkan bahawa, selain aktiviti pelaburan, Khazanah juga terus menyokong inisiatif dalam bidang pembangunan sosial dan penyelidikan dalam tahun 2019, termasuk pelaksanaan Projek Taman Tugu, penyelidikan secara meluas oleh Khazanah Research Institute, majlis perkongsian ilmu tahunan Khazanah Megatrends Forum dan tanggungjawab sosial korporat dalam bidang pendidikan, orang awam dan pengetahuan melalui Yayasan Hasanah.

#### **4. PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF/Khzazanah Nasional selaras dengan Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (5).

#### **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14**